



## Polisi Whistleblowing PERKESO

### 1. Pernyataan Polisi

- 1.1 PERKESO komited untuk memastikan tahap integriti, ketelusan dan akauntabiliti yang tinggi dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pemegang taruhnya. Nilai-nilai ini perlu disemai dalam kalangan anggota PERKESO di setiap peringkat termasuk Ahli Lembaga Pengarah agar reputasi dan imej PERKESO terpelihara.
- 1.2 Polisi *Whistleblowing* ini disediakan sebagai *platform* serta saluran rasmi untuk menyalurkan sebarang dakwaan yang berasas mengenai perbuatan tidak wajar atau salah laku yang memberi impak negatif kepada PERKESO, pihak berkepentingan.

### 2. Komitmen Kami

- 2.1 Sebarang aduan atau dakwaan yang diterima akan disiasat dengan telus dan serius. Identiti Pemberi maklumat dilindungi sewajarnya.

### 3. Skop

- 3.1 Polisi ini terpakai kepada semua anggota PERKESO (termasuk Ahli Lembaga Pengarah PERKESO), orang berinsurans, majikan, *vendor*, pembekal, hospital, klinik, pusat dialisis dan doktor perubatan atau

mana-mana syarikat atau individu yang berurusan dengan PERKESO.

3.2 Polisi ini merangkumi sebarang perlakuan tidak wajar atau salah laku daripada semua pihak yang dinyatakan di atas sama ada yang telah atau akan dilakukan. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- a) Pelanggaran apa-apa Akta, Kaedah dan Peraturan yang ditadbir oleh PERKESO atau mana-mana Undang-Undang Persekutuan atau Negeri;
- b) Apa-apa kesalahan jenayah di bawah Kanun Keseksaan, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram atau akta lain atau perundangan subsidiari dengan peruntukan kesalahan jenayah;
- c) Pelanggaran dasar, manual, arahan, pekeliling, ikrar integriti, garis panduan, prosedur atau proses operasi PERKESO;
- d) Apa-apa tindakan yang mungkin menyebabkan kerugian kewangan atau reputasi kepada PERKESO;
- e) Pendedahan maklumat sulit atau maklumat yang akan merosakkan reputasi PERKESO, kepada pihak ketiga atau kepada pihak yang tidak berautoriti;
- f) Penyalahgunaan kuasa;
- g) Percanggahan kepentingan;
- h) Kecurian atau penggelapan wang;

- i) Penyalahgunaan aset syarikat;
- j) Apa-apa perbuatan salah laku anggota PERKESO;
- k) Bersubahat dengan mana-mana pihak untuk melakukan salah laku di atas.

#### 4. Pelaporan

4.1 Apa-apa dakwaan atau aduan hendaklah disampaikan melalui saluran berikut:

- a) Portal *Whistleblowing* PERKESO : <https://shoutout.perkeso.gov.my>
- b) Talian *Whistleblowing* : +6019-3512051
- c) E-mel: shoutout@perkeso.gov.my
- d) Melalui pos ke alamat:

Ketua Cawangan Etika dan Pematuhan,  
Bahagian Audit Dalam,  
Pertubuhan Keselamatan Sosial,  
Tingkat 12, Menara PERKESO,  
281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur.

4.2 Semua dakwaan atau aduan yang dikemukakan akan diklasifikasikan sebagai '**SULIT**'. Mana-mana Pemberi Maklumat yang melaporkan sebarang dakwaan atau aduan dikehendaki mengemukakan maklumat diri. Pelaporan tanpa maklumat diri tidak akan dilayan.

## **5. Makluman**

- 5.1 Makluman keputusan siasatan kepada Pemberi Maklumat atau mana-mana pihak yang berkenaan adalah di atas budi bicara PERKESO.
- 5.2 Pemberi Maklumat atau mana-mana pihak yang berkenaan dikehendaki tidak mendedahkan mana-mana identiti termasuk identiti dirinya atau pendedahan butir-butir aduan atau dakwaannya serta keputusan siasatan yang terlibat di dalam aduan atau dakwaannya tersebut kepada mana-mana orang atau pihak kecuali kepada pihak berkuasa mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

## **6. Tarikh Kuatkuasa**

- 6.1 Polisi ini berkuatkuasa serta merta.

  
**Datuk Seri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed**  
Ketua Eksekutif  
Pertubuhan Keselamatan Sosial

Tarikh: 9hb. September 2020